

19 FEB 1998

LAWATAN HOWARD UNTUK KUKUHKAN HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 19 Feb (Bernama) -- Lawatan Perdana Menteri Australia, John Howard ke Malaysia selama tiga hari bermula Ahad ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi hubungan dua hala antara kedua-dua negara.

Lawatan itu, yang pertama oleh Howard ke negara ini, adalah atas jemputan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut kenyataan Wisma Putra, Howard yang akan diiringi oleh satu delegasi 15 anggota daripada sektor kerajaan dan swasta, antara lainnya, akan mengadakan perbincangan dengan Dr Mahathir mengenai isu-isu dua hala, serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

"Keadaan kewangan dan ekonomi di rantau ini juga dijangka menjadi topik utama perbincangan mereka," kata kenyataan itu.

Howard juga dijangka berucap kepada tokoh-tokoh perniagaan Malaysia di sesi perjumpaan makan tengah hari anjuran Majlis Perniagaan Malaysia-Australia.

Beliau juga akan menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara sektor swasta kedua-dua negara.

Selain mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Howard juga akan menghadiri majlis makan malam anjuran Yayasan Malaysia-Australia dan melawat Kuala Lumpur City Centre (KLCC).-- BERNAMA

RV oba